



AM

## PENGAMAL MEDIA RAKAN PALING RAPAT KERAJAAN PERAK - EXCO



Reaksi Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Perak Mohd Azlan Helmi ketika sesi temu bual sempena Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2023 di Bangunan Perak Darul Ridzuan baru-baru ini. Sambutan HAWANA 2023 bertemakan "Media Bebas, Tunjang Demokrasi" di Casuarina, Meru, Perak berlangsung pada 27 hingga 29 Mei ini. Perasmian sambutan berkenaan pula, bakal disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 28 Mei.

22/05/2023 10:31 AM

Oleh Mohamad Harith Mohamad Nizar

IPOH, 22 Mei (Bernama) -- Jasa pengamal media dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat sentiasa dihargai, dan mereka dianggap sebagai rakan paling rapat dengan kerajaan negeri, kata Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Perak Mohd Azlan Helmi.

Mohd Azlan berkata kerajaan negeri mengekalkan hubungan baik dengan pengamal media kerana segala inisiatif dan tindakan kepada rakyat sering disampaikan kepada masyarakat sama ada dalam bentuk penulisan, audio maupun visual.



Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan negeri memahami dan tidak akan mengetepikan peranan media lain di Perak selain daripada media arus perdana.

"Pada saya, kalau hasratnya (media berkenaan) baik untuk menyampaikan apa yang disarankan kerajaan negeri atau maklumat penting yang perlu disampaikan kepada rakyat, kita akan hargai walaupun kecil atau besar syarikatnya.

"Kerjasama dengan media di Perak, mungkin kita akan buat aktiviti bersama. Tujuannya untuk mengeratkan silaturahim dan akhirnya kita dapat berhubung dengan baik serta dapat menyalurkan apa juga hasrat kerajaan kepada masyarakat," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual eksklusif bersempena Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2023.



Mohd Azlan berkata kerajaan negeri juga memahami masalah dihadapi pengamal media ketika ini yang berdepan situasi amat sukar apabila surat khabar tidak lagi menjadi pilihan utama rakyat berikutan masyarakat telah beralih kepada platform media sosial yang tentunya menjelaskan pendapatan syarikat-syarikat media di Perak.

"Namun begitu, kita masih lagi mengekalkan hubungan baik dengan pengamal media bahkan pernah dalam satu atau dua program pada masa dahulu, kita ada jamuan makan bersama pengamal media yang dianjurkan Persatuan Pengamal Media Perak yang dihadiri Menteri Besar sendiri.

"Kita ada beri sedikit sumbangan kepada persatuan, jadi portfolio saya (jawatankuasa disandang beliau) sendiri pun saya ada beri sedikit dana kepada persatuan media untuk mereka membuka pejabat sementara di Medan Istana, Ipoh," katanya.

Justeru, beliau berkata tindakan tersebut menjadi bukti kerajaan negeri sentiasa menghargai peranan pengamal media di Perak kerana sering memberi kerjasama menyeluruh dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Sehubungan itu, katanya kerajaan negeri memandang serius dalam menangani penyebaran berita palsu terutamanya melibatkan Perak, dan akan terus berusaha menangkis berita palsu dengan pendekatan lebih sistematik menerusi kerjasama melibatkan semua jabatan di bawah portfolio beliau.

Selain itu, katanya terdapat juga usaha melalui Digital Perak Corporatin Holdings untuk mengadakan kerjasama dengan kelab komputer di peringkat sekolah.

"Ada beberapa siri pertama pertemuan antara saya dan Pengarah Pendidikan negeri, namun begitu saya sedang siapkan pasukan yang baik dan modul untuk buat program melalui kelab komputer sekolah.

"Insya-Allah kita akan ambil satu, dua sekolah sebagai pilot projek, kita akan libatkan juga Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak Khairudin Abu Hanipah," katanya.

Ia merupakan antara usaha memberi pendidikan kepada murid dan pelajar di sekolah untuk disampaikan kepada ibu bapa mengenai langkah mengesan sesuatu berita palsu.

Sambutan HAWANA 2023 yang bertemakan "Media Bebas, Tunjang Demokrasi" pada 27 hingga 29 Mei ini dijadual berlangsung di Casuarina, Meru di sini akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 28 Mei.

-- BERNAMA